



**TINDAKAN MESYUARAT MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI
(JAPSU) BIL. 07 2019/2020**

TARIKH : 6 APRIL 2020 (ISNIN)
MASA : 2.30 PETANG
TEMPAT : SECARA ONLINE

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	ALUAN PENERUSI		
	1.3 Penangguhan Khas Pengajian Kerana Pandemik Covid-19 Pengerusi memaklumkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Mesyuarat Senat Bil. 7 2019 /2020 pada 25 Mac 2020 telah meluluskan penambahan satu (1) semester tangguh pengajian yang tidak dikira bagi pelajar Sarjana Penyelidikan dan Doktor Falsafah (Penyelidikan dan Mod Campuran) yang berada pada semester maksimum pengajian serta status 'Peperiksaan' pada Semester II, Sesi 2019/2020 akibat dari pandemik COVID-19. Pelajar Doktor Falsafah yang berada pada semester 16/16, pelajar Sarjana Penyelidikan yang berada pada semester 8/8 dan pelajar yang berstatus 'Peperiksaan' pada Semester II, Sesi 2019/2020 akan diberikan penangguhan secara automatik berikutan kesulitan yang dihadapi akibat dari pandemik COVID-19. Dengan penambahan satu (1) semester khas ini, pelajar perlu menghantar tesis dan pembetulan tesis dalam tempoh Semester I, Sesi 2020/2021. Walau bagaimanapun, pihak Sekolah Pengajian Siswazah tiada halangan sekiranya pelajar ingin menghantar tesis pada semester semasa setelah memenuhi semua syarat	Tindakan : SPS, AMD dan Fakulti	Makluman berkaitan telah pun di keluarkan melalui PEKELILING AKADEMIK BIL. 3/2020 JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA). Mesyuarat telah diadakan yang membincangkan urusan pelaksanaan Pengurusan Akademik sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diantara SPS, AMD dan UTM ARO KL yang meliputi urusan dan proses kerja berkaitan berlakunya tambahan satu semester pengajian bagi pelajar semester maksimum dan berstatus V, dan

	penghantaran tesis yang telah ditetapkan. Pertambahan semester ini adalah tanda keprihatinan pihak Universiti terhadap pelajar yang menghadapi kesulitan dalam menjalankan aktiviti penyelidikan disebabkan pandemik ini.		proses kerja berkaitan kelayakan permohonan cuti tangguh kerana bencana alam oleh pelajar kanan. Mesyuarat penyelarasan bagi Pewujudan Kod Aktif Khas Dalam Sistem Aims Kesan daripada dua jenis penangguhan telah juga diadakan pada 9 APRIL 2020 lalu diantara SPS, AMD, UTM ARO KL dan SRAD. AMD dan SPS telah bersetuju dengan beberapa tindakan untuk pelarasan dan pewujudan kod khas AIMS dengan juga memohon kerjasama fakulti untuk menyenaraikan pelajar-pelajar yang terlibat.
	1.5 Proses Pembelajaran & Pengajaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Pengerusi memaklumkan bahawa sepanjang PKP berlangsung, pelajar adalah tidak dibenarkan memasuki lab untuk menjalankan penyelidikan ekoran arahan Kerajaan berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan dan tiada staf yang dibenarkan bertugas sepanjang tempoh PKP ini berjalan.	Tindakan : Semua Fakulti	Fakulti sedia maklum dan menerima arahan dari semasa ke semasa.
	1.21 Semakan Kurikulum Program Pasca Siswazah Pengerusi memaklumkan bahawa proses kerja ini	Tindakan : Semua Fakulti	

	diharapkan terus berjalan walaupun di dalam tempoh PKP.		
3.0 & 4.0	PERAKUAN PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) & SARJANA -NOTIS HANTAR TESIS (NHT) Pengerusi telah membentangkan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah dan Sarjana untuk setiap fakulti.	Tindakan : SPS & Fakulti	Kesemua pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah telah di ambil tindakan oleh SPS dan kesemua perlantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana adalah dalam tindakan pihak fakulti.
12.0	HAL-HAL LAIN		
	12.1 Keperluan Pengerusi Peperiksaan Lisan Berbahasa Arab Mesyuarat dimaklumkan berkaitan keperluan Pengerusi Peperiksaan Lisan yang boleh berbahasa Arab. Pengerusi meminta pihak FSSK membentangkan kertas kerja permohonan tersebut di mesyuarat akan datang.	Tindakan : FSSK	